

**KAJIAN AWAL PERBANDINGAN SPESIS KATAK HABITAT SUNGAI DAN PERMATANG
DI BASE CAMP DAN PADANG POINT, PULAU GAYA**

NAME: CHIRRA SNORIANA MOBIK

SUPERVISOR: DR. JEPHTE SOMPUD

PROGRAM: TAMAN ALAM SEMULAJADI DAN REKREASI

ABSTRACT

Projek ini merupakan kajian awal mengenai spesis katak yang boleh dijumpai pada kawasan sungai dan permatang di Pulau Gaya. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah Visual Encounter Survey (VES). Katak dibanci berdekatan dengan kawasan Padang Point dan Base Camp pada waktu malam pada pukul 1900 hingga 2100. Empat garis transek telah ditentukan dengan saiz sampel 10 m x 100 m. Bagi garis transek kawasan sungai, garis transek ini telah ditentukan di Sungai Base Camp dan Sungai Bakau. Manakala, bagi garis transek permatang telah ditentukan di Trail To The Police Beach dan Trail To The Sunset View. Kajian ini turut melibatkan kajian di luar garis transek di mana telah dijalankan sejauh dua kilometer selepas waktu kajian. Sebanyak 68 individu daripada dua spesis katak yang telah direkodkan di dalam garis transek. Bagi kajian di luar garis transek, sebanyak 21 individu daripada lima spesis katak telah direkodkan. Hasil kajian menunjukkan bahawa spesis *Ingerana baluensis* paling banyak ditemui di kawasan sungai dan hanya *Polypedates macrotis* dewasa yang boleh ditemui di kawasan permatang. Kajian katak ini merupakan kajian pertama yang telah didokumenkan di Pulau Gaya. Melalui maklumat yang diperolehi, maklumat ini boleh digunakan untuk melakukan pengurusan habitat katak hutan.